

Banjir jejas sasaran 20.1 juta pelancong

Kemasukan pelawat melalui Singapura, Batam dijangka kurang

Oleh Haika Khazi

PUTRAJAYA: Sasaran 20.1 juta pelancong melawat negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM'07) mungkin tidak tercapai kerana terjejas dengan tragedi banjir yang melanda selatan tanah air.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata paling ketara dijangka terjejas teruk ialah kemasukan pelancong melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Changi di Singapura dan Pulau Batam di Indonesia.

"Saya dimaklumkan kejadian banjir besar terutama di Johor memang menjejaskan kehadiran pelancong khususnya mereka yang memasuki negara ini melalui Singapura dan Batam.

"Sehubungan itu, saya berharap banjir akan surut secepat mungkin dan berdoa kepada Allah supaya bencana alam itu tidak akan menimpa negara kita lagi," katanya selepas menyerahkan 66 lembu dan lima kambing untuk dikorbankan sempena sambutan Aidiladha peringkat Parlimen Putrajaya di Presint 9 dekat sini, semalam.

Banjir besar yang terburuk sejak sedekad lalu di Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang, turut me-

ngorbankan 12 orang.

Tengku Adnan berkata, kejadian banjir bukan saja menyebabkan banyak kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa, malah menyebabkan sistem perhubungan terutama pengangkutan darat terjejas teruk.

Katanya, bencana banjir itu juga menjejaskan perjalanan dan sistem pengangkutan darat termasuk jalan raya dan kereta api dari Selatan ke Utara tanah air seperti Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis.

Difahamkan, setiap tahun negara memperoleh lebih RM3 juta selepas kemasukan pelancong dari Singapura yang menggunakan laluan darat seperti bas dan kereta api.

Beliau berkata, bagi menangani masalah berkenaan kementerianya sudah mengadakan perbincangan bersama beberapa negara seperti Vietnam, Filipina dan Indonesia berhubung soal penerbangan terus ke Malaysia.

"Kita meminta Penerbangan Malaysia (MAS), AirAsia dan Singapore Airlines mendarat di lokasi yang tidak terbabit dengan banjir seperti di Kuantan, Miri, Labuan dan Kota Kinabalu bagi meneruskan usaha kerajaan dalam kempen menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2007," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mengang-

garkan 1.5 juta pelancong luar negara berkunjung ke Malaysia, Januari ini.

Katanya, kerajaan juga sudah memberi latihan secukupnya kepada pemandu teksi dan meluluskan 300 permit teksi eksekutif yang akan beroperasi di sekitar Lembah Klang, mulai Rabu ini bagi mengalu-alukan kedatangan pelancong ke Malaysia.

"Program TMM'07 penting untuk negara kerana diadakan sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 dan mahu memberitahu dunia serta rakyat mengenai pencapaian negara sejak 50 tahun lalu.

FAKTA NOMBOR

Pelancong asing

RM3j

Diperoleh setiap tahun daripada pelancong Singapura melalui jalan darat

1.5 juta

Anggaran pelancong asing ke Malaysia Januari ini

"Semua ini dicapai disebabkan sikap toleransi rakyat pelbagai kaum. Justeru, kita mengajak pelancong datang dan melihat sendiri sebuah negara yang sudah 50 tahun dibangunkan," katanya.

Sementara itu di KUALA LUMPUR Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique mahu masyarakat ibu kota memainkan peranan penting menjayakan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007 kerana Kuala Lumpur adalah pintu masuk utama pelancong luar dan tempatan.

Beliau berkata, Kementerian Wilayah Persekutuan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Pelancongan dan agensi lain untuk menjayakan matlamat serta visi TMM 2007.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan akan memainkan peranan penting bersama Kementerian Pelancongan menjayakan program Tahun Melawat Malaysia 2007," katanya semalam.

Zulhasnan berkata, Wilayah Persekutuan akan menjadi destinasi utama untuk beberapa program pada 2007 seperti Pesta Flora di Putrajaya, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Maraton Antarabangsa Kuala Lumpur dan Kejohanan Antarabangsa Bot Laju di Labuan.